

# Faktor Ekstralinguistik Sebagai Pacuan Asas Membaca Murid Tahun 1 di Sekolah Kebangsaan: Ke Arah Melahirkan Modal Insan yang Berkualiti

Muhammad Saiful Haq Hussin

## ABSTRAK

Makalah ini meninjau faktor ekstralinguistik sebagai pacuan asas bacaan bahasa Melayu dalam kalangan murid yang wujud pada peringkat Tahun 1. Data dikutip daripada penyelidikan dilakukan secara pemerhatian terkawal melibatkan murid-murid, ibu bapa dan guru-guru mereka. Kajian ini membuktikan bahawa pembelajaran asas membaca yang diberikan melalui penggunaan bahan asas membaca yang terancang dan bersistematis akan memberikan hasil yang lebih cepat dalam menghasilkan modal insan yang berkualiti.

Kata kunci: Faktor ekstralinguistik, pendedahan bahasa, pengetahuan ibu bapa, nilai statistik kha kuasa, pengalaman guru.

## ABSTRACT


This paper explores extralinguistic factor as basic reading driven force in learning Malay language among standard 1 pupil. The data were collected from controlled observations involving the pupil and their parents and teachers. It is found that the pupil could acquire reading skill at initially level, either good or moderate, but they need to be nurtured with extralinguistic factor. This study proved that basic reading education given through a constructive and systematic basic material would yield quality human capital promptly.

Keywords: Extralinguistic factor, language exposures, parents knowledge, kha statistic value power, teachers' experiences.

## Pendahuluan

Kajian tentang faktor-faktor ekstralinguistik merupakan suatu alternatif untuk membolehkan penyelidik mengenal pasti kelebihan dan kelemahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (kemudiannya disebut P & P) serta penguasaan asas bacaan dalam kalangan murid Tahun 1. Segala usaha yang terancang boleh dilakukan bermula daripada peringkat awal

persekolahan lagi. Kajian yang dilakukan ini berasaskan kepada sejauh manakah keberkesanannya Modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1) yang mengandungi huruf, suku kata, kata, frasa dan ayat serta disulami dengan gambar-gambar rangsangan digunakan sebagai pendedahan bahasa untuk mengenal pasti tahap pemahaman dan penguasaan asas bacaan subjek kajian berasaskan kepada apa yang diuji dan diajarkan dalam kajian ini. Pada peringkat inilah didapati terdapat subjek kajian itu perlu diberi perhatian yang lebih sebelum mereka menjadi lebih ketinggalan dan akan bersifat akumulatif dalam penguasaan bacaan apabila mereka memasuki peringkat yang seterusnya. Lihat Rajah 1 berikut yang memaparkan sistem persekolahan di Malaysia.




**RAJAH 1** Peringkat persekolahan harus memberikan masukan kepada peringkat lain.

Sumber: Mangantar Simanjuntak (1985: 3)

Sekiranya kelemahan yang dihadapi oleh mereka dapat dikesan dan dipulihkan sudah pasti murid-murid akan terus cemerlang dalam pelajaran kerana mereka dapat mengikuti pengajaran dan pembelajaran di sekolah secara berkesan dan memuaskan.

### Tempat Kajian

Kajian ini telah dilakukan terhadap murid-murid Tahun 1 di Sekolah Kebangsaan Tengku Indera Petra (kemudian ditulis SRKTIP), Wakaf Mek Zainab, Kota Bharu, Kelantan.



PETA 1 Lokasi Sekolah Kebangsaan Tengku Indera Petra

## Populasi dan Pensampelan

Jadual berikut menunjukkan unjuran populasi pelajar Tahun 1 untuk sesi pengajian 2009.

### JADUAL 1 Bilangan pelajar normal mengikut aliran di SRKTIP untuk Sesi 2009

Tahun	Bilangan Pelajar	Peratus
1	69	14.2
2	80	16.6
3	75	15.5
4	82	17.0
5	82	17.0
6	95	19.7
Jumlah	483	100.0

Paparan jadual tersebut menunjukkan bilangan pelajar Tahun 1 untuk sesi pengajian 2009 sebanyak 69 orang, iaitu 14.3 peratus daripada

keseluruhan pelajar normal yang berjumlah 483 orang. Bilangan pelajar yang agak ramai ini menjadikan unjuran kelas Tahun 1 bagi tahun tersebut berjumlah 3 kelas. Lihat Jadual 3 berikut:

JADUAL 2 Bilangan pelajar mengikut jantina normal Kelas 1 di SRKTIP Sesi 2009

Tahun/ Kelas	Lelaki	Peratus Lelaki	Perempuan	Peratus Perempuan	Jumlah
1 Gigih	15	53.6	13	46.4	28
1 Tekun	17	65.4	9	34.6	26
1 Usaha	8	53.3	7	46.7	15
Jumlah	40	58.0	29	42.0	69

Subjek kajian terdiri daripada kalangan murid Tahun 1 yang berusia dalam lingkungan 7 tahun. Pemilihan murid Tahun 1 adalah bersesuaian dengan perolehan dan penguasaan bahasa kerana pada tahap ini murid telah mengalami proses perolehan bahasa yang lengkap. Dalam kajian ini, seramai 35 orang murid telah dipilih sebagai subjek. Mereka ini dipilih berdasarkan tahap pencapaian dalam ujian penyaringan (Ujian Diagnostik) yang dilakukan ke atas semua populasi murid Tahun 1 di SRKTIP yang menduduki Tahun 1 pada sesi persekolahan 2009. Golongan mereka adalah sebahagian keseluruhan pelajar Tahun 1 seluruh Malaysia yang berjumlah 420,049 orang yang mendaftar untuk Tahun 1 sesi persekolahan pada tahun tersebut.

### Kajian Rintis

Dalam kajian rintis, sebagai tinjauan awal ke atas SKTIP sesi temu bual dengan semua guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu telah di jalankan. Hasil daripada hasil temu bual yang dijalankan, kebanyakan guru berasal dari negeri Kelantan dan sebilangan kecilnya berasal dari luar Kelantan.

Kebanyakan guru yang mengajar di SKTIP mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada tiga tahun, berdasarkan tempoh perkhidmatan guru dalam jadual di atas (Lihat Jadual 2). Pengalaman sangat penting untuk seseorang guru akan merealisasikan dasar pendidikan negara kerana guru lebih mahir untuk melaksanakan proses pengajaran dan pemelajaran (P & P) di bilik darjah. Hal ini demikian kerana mereka menerima

latihan perguruan secara formal dan seterusnya dapat mengaplikasikan ilmu pedagogi untuk meningkatkan prestasi murid-murid dalam bidang akademik dan kurikulum.

## Keputusan Kajian

Setelah selesai menjalankan penyelidikan, penyelidik membuat persembahan dapatan tentang data yang diperoleh. Data daripada ujian ke atas murid-murid dan temu bual berstruktur serta tidak berstruktur daripada ibu bapa atau penjaga dan guru-guru dianalisis secara manual dan dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS) Version 17.0*.

Penyelidik berusaha untuk menganalisis secara keseluruhan perkaitan dan perbandingan di antara kadar frekuensi cerapan pada sampel dengan frekuensi jangkaan pada populasi sama ada terdapat perbezaan secara signifikan atau pun tidak. Sebelum itu penyelidik telah membina hipotesis sebagaimana berikut:

Hipotesis kosong ( $H_0$ ): Terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah.

Hipotesis alternatif ( $H_a$ ): Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah.

## Hipotesis Kajian

Pada bahagian pendedahan bahasa, ujian berstatistik Khi Kuasa Dua secara keseluruhan menunjukkan terdapat atau tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan di antara subjek kajian dalam penguasaan asas bacaan. Nilai  $p$  bagi kesemua 12 item soalan pada bahagian pendedahan bahasa yang diajukan kepada subjek kajian dan informan ditetapkan pada ( $p \leq 0.05$ ). Manakala pada bahagian kesahan dan kebolehpercayaan bahan pula analisis korelasi Pearson digunakan untuk menentukan tahap kebolehpercayaan item ujian berdasarkan modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1).

## Pendedahan Bahasa

Tidak ada perbezaan pencapaian di antara pelajar yang pelbagai kebolehan tahap kemahiran dalam penguasaan asas bacaan berdasarkan item-item yang berikut:

- (i) Jenis pekerjaan ibu bapa dan penjaga.
- (ii) Jumlah pendapatan ibu bapa dan penjaga.
- (iii) Tahap pendidikan ibu bapa dan penjaga.
- (iv) Pengetahuan tentang kaedah bacaan yang dikuasai oleh ibu bapa dan penjaga.
- (v) Pernah mengajar anak membaca atau pun tidak.
- (vi) Pengalaman ibu bapa dan penjaga mengajar anak membaca.
- (vii) Ibu bapa dan penjaga memerlukan kaedah mengajar anak membaca.
- (viii) Sebab ibu bapa dan penjaga memerlukan kaedah mengajar asas bacaan.
- (ix) Pandangan ibu bapa dan penjaga untuk mengajar anak membaca.
- (x) Siapa perlu dipersalahkan jika anak tidak dapat membaca.
- (xi) Adakah usaha yang berterusan dibuat bagi membolehkan anak menguasai asas bacaan.
- (xii) Apakah saranan ibu bapa untuk membolehkan anak menguasai asas bacaan.

Bagi menentukan tahap hubungan, jadual berikut digunakan untuk menentukan kekuatan sesuatu perkaitan.

JADUAL 3 *Guilford's Rule of Thumb*

Nilai pekali korelasi ( <i>r</i> )	Kekuatan perkaitan
< 0.20	sangat lemah
0.20 hingga 0.40	lemah
0.40 hingga 0.70	Sederhana
0.70 hingga 0.90	Kuat
> 0.90	sangat kuat

Bahagian pendedahan bahasa ini bertujuan untuk menentukan tahap pendedahan bahasa Melayu pada peringkat asas bacaan subjek kajian. Skor keseluruhan item dianalisis melalui analisis *khi kuasa dua* bagi mencari perhubungan di antara dua pemboleh ubah data nominal.

Hipotesis 1: Tidak ada perbezaan yang signifikan antara hubungan pengalaman mengajar anak dengan jenis pekerjaan ibu bapa terhadap pendedahan bahasa

Didapati nilai  $p^*$  ujian *khi kuasa dua* adalah 0.503, iaitu  $p > .05$ . Ini menunjukkan tidak terdapatnya hubungan yang signifikan di antara jenis pekerjaan ibu bapa sama ada dari perkhidmatan kerajaan, swasta

mahupun bagi mereka yang bekerja sendiri dengan pengalaman mengajar anak tentang asas bacaan.

JADUAL 4 Perkaitan antara jenis pekerjaan ibu bapa dengan pengalaman mengajar anak tentang asas bacaan

	Kerajaan	Sendiri	Swasta	Nilai khi kuasa dua	Nilai p
Ada	(20%) 7	(37.1%) 13	(40.0%) 14	6.022	0.503
Tiada	(0%) 0	(0%) 0	(2.9%) 1		

$$\begin{aligned} dk &= (r-1)(c-1) \\ &= (3-1)(2-1) \\ &= (2)(1) \end{aligned}$$

$$dk = 2$$

$$\chi^2_{k=5.991}$$

Nilai statistik khi kuasa dua 6.022 lebih besar daripada nilai kritis khi kuasa dua, iaitu 5.991. Terima  $H_a$  tolak  $H_0$ .

Jadual 4 menunjukkan sebanyak 34 (97.1%) ibu bapa daripada pelbagai sektor pekerjaan mempunyai pengalaman mengajar anak-anak mereka berbanding dengan hanya 1 (2.9%) sahaja yang tidak mempunyai pengalaman untuk mengajar anak mereka untuk membaca pada peringkat asas. Hal ini membuktikan bahawa jenis pekerjaan ibu bapa atau penjaga dan pengalaman mengajar anak tentang asas bacaan tidak menunjukkan perbezaan terhadap pendedahan bahasa ke atas anak-anak mereka.

Hipotesis 2: Tidak ada perbezaan yang signifikan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan kesukaran mengajar anak terhadap pendedahan bahasa.

Didapati nilai  $p^*$  ujian khi kuasa dua adalah 0.52. Ini menunjukkan tidak terdapatnya hubungan yang signifikan di antara tahap pendidikan ibu bapa sama ada daripada yang kalangan berkelulusan darjah 6, PMR mahu pun SPM dengan tahap kesukaran mengajar anak tentang asas bacaan.

JADUAL 5 Perkaitan di antara tahap pendidikan ibu bapa dengan tahap kesukaran mengajar anak tentang asas bacaan.

	Darjah 6	PMR	SPM	Nilai khi kuasa dua	Nilai <i>p</i>
Senang	(2.9%) 1	(25.7%) 9	(14.3%) 5	5.926	0.52
Sukar	(5.7%) 2	(11.4%) 4	(40.0%) 14		

$$\begin{aligned} dk &= (r-1)(c-1) \\ &= (3-1)(2-1) \\ &= (2)(1) \end{aligned}$$

$$dk = 2$$

$$\chi^2_k = 5.991$$

Nilai statistik khi kuasa dua 5.926 lebih besar daripada nilai kritikal khi kuasa dua, iaitu 5.991. Terima  $H_0$  tolak  $H_a$ .

Jadual 5 menunjukkan sebanyak 14 (42.9%) ibu bapa daripada pelbagai tahap pendidikan yang menyatakan senang untuk mengajar anak-anak untuk menguasai asas bacaan. Sebaliknya 20 (57.1%) menyatakan mereka menghadapi kesukaran untuk mengajar asas bacaan kepada anak-anak mereka. Hal ini membuktikan bahawa tahap pendidikan ibu bapa dan tahap kesukaran mengajar anak tentang asas bacaan tidak menunjukkan perbezaan terhadap pendedahan bahasa ke atas anak-anak mereka.

Hipotesis 3: Tidak ada perbezaan yang signifikan antara hubungan jumlah pendapatan ibu bapa dengan usaha mengajar anak terhadap pendedahan bahasa.

Didapati nilai  $p^*$  ujian khi kuasa dua adalah 0.968. Hal ini menunjukkan tidak terdapatnya hubungan yang signifikan di antara jumlah pendapatan ibu bapa sama ada daripada yang berpendapatan tinggi atau rendah untuk mengajar anak tentang asas bacaan.

JADUAL 6 Perkaitan di antara jumlah pendapatan ibu bapa dengan usaha mengajar anak tentang asas bacaan.

	< RM1000	RM1001 hingga RM2000	RM2001 hingga RM3000	> RM3000	Nilai khi kuasa dua	Nilai p
Tidak	(2.9%) 1	(0%) 0	(0%) 0	(0%) 0	0.257	0.968
Ya	(77.1%) 27	(8.6%) 3	(5.7%) 2	(5.7%) 2		

$$\begin{aligned} dk &= (r-1)(c-1) \\ &= (4-1)(2-1) \\ &= (3)(1) \end{aligned}$$

$$dk = 3$$

$$\chi^2_k = 7.815$$

Nilai statistik khi kuasa dua 0.257 lebih kecil daripada nilai kritis khi kuasa dua, iaitu 7.815. Terima  $H_0$  tolak  $H_a$ .

Jadual 6 menunjukkan sebanyak 34 (97.1%) ibu bapa daripada pelbagai jumlah pendapatan yang menyatakan pernah mengajar anak-anak untuk menguasai asas bacaan. Sebaliknya 1 (2.9%) sahaja menyatakan yang dia tidak pernah mengajar asas bacaan kepada anak-anak mereka. Hal ini membuktikan bahawa dalam kesibukan mencari rezeki mereka masih mampu memberikan pengajaran dan bimbingan kepada mereka untuk menguasai asas bacaan. Dalam erti kata lain mereka tetap memberikan pendedahan bahasa kepada anak-anak mereka untuk membolehkan anak-anak mereka menguasai asas bacaan. Kesimpulannya membuktikan bahawa jumlah pendapatan ibu bapa dan usaha mengajar anak tentang asas bacaan tidak menunjukkan perbezaan terhadap pendedahan bahasa ke atas anak-anak mereka.

Hipotesis 4: Tidak ada hubungan yang signifikan antara hubungan pengetahuan ibu bapa tentang kaedah mengajar dengan keperluan untuk mendapat pendedahan tentang kaedah untuk mengajar anak terhadap pendedahan bahasa.

Didapati nilai  $p^*$  ujian khi kuasa dua adalah 0.214. Ini menunjukkan tidak terdapatnya hubungan yang signifikan di antara pengetahuan ibu bapa tentang kaedah mengajar anak dengan keperluan untuk mendapat pendedahan tentang kaedah pengajaran bagi tujuan untuk mengajar anak mereka tentang asas bacaan.

**JADUAL 7 Perkaitan antara pengetahuan ibu bapa tentang kaedah mengajar dengan keperluan untuk mendapat pendedahan tentang kaedah untuk mengajar anak**

	Ada	Tiada	Nilai khi kuasa dua	Nilai p
Tidak	(0%) 0	(2.9%) 1	1.544	0.214
Ya	(60.0%) 21	(37.1) 13		

$$\begin{aligned} dk &= (r-1)(c-1) \\ &= (2-1)(2-1) \\ &= (1)(1) \end{aligned}$$

$$dk = 1$$

$$\chi^2_k = 3.841$$

Nilai statistik khi kuasa dua 1.544 lebih kecil daripada nilai kritikal khi kuasa dua, iaitu 3.841. Terima  $H_0$ , tolak  $H_a$ .

Jadual 7 menunjukkan sebanyak 21 (60.0%) ibu bapa yang ada mempunyai pengetahuan tentang kaedah untuk mengajar anak mereka menguasai asas bacaan. Sebaliknya 14 (40.0%) sahaja menyatakan yang mereka tiada mempunyai pengetahuan tentang kaedah mengajar asas bacaan kepada anak-anak mereka. Walaupun sebahagian besar ibu bapa didapati mempunyai pengetahuan tentang kaedah untuk mengajar asas bacaan kepada anak mereka, namun mereka tetap memerlukan pendedahan tentang kaedah mengajar asas bacaan tersebut. Sebanyak 1 (2.9%) ibu bapa atau penjaga menyatakan tidak memerlukan pendedahan tentang kaedah mengajar, sebaliknya 34 (97.1%) menyatakan keperluan mereka untuk mendapatkan pengetahuan tentang kaedah mengajar bagi membolehkan mereka membuat pendedahan bahasa yang lebih tuntas dan berkesan kepada anak-anak mereka. Sebab-sebab mereka memerlukannya kerana mereka menyatakan bahawa pendedahan tentang kaedah mengajar bacaan boleh membantu mereka untuk memberikan pendedahan bahasa yang lebih cekap dan proaktif kepada anak-anak mereka. Hal ini membuktikan bahawa pengetahuan ibu bapa tentang kaedah mengajar dan keperluan untuk mendapat pendedahan tentang kaedah untuk mengajar anak tidak menunjukkan perbezaan terhadap pendedahan bahasa ke atas anak-anak mereka.

Hipotesis 5: Tidak ada perbezaan yang signifikan antara hubungan minat membaca pelajar dengan usaha yang berterusan dijalankan oleh ibu bapa terhadap pendedahan bahasa

Didapati nilai  $p^*$  ujian khi kuasa dua adalah 0.492. Ini menunjukkan tidak terdapatnya hubungan yang signifikan di antara minat membaca dalam kalangan pelajar dengan usaha yang berterusan sebagaimana dijalankan oleh ibu bapa bagi menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan anak-anak mereka. Sebaliknya minat membaca mereka lebih terdorong untuk menguasai bacaan bagi mencapai cita-cita mereka untuk bekerja sebagai pegawai kerajaan dalam pelbagai bidang dan sektor awam seperti polis, tentera, jururawat dan doktor.

JADUAL 8 Perkaitan di antara minat membaca pelajar dengan usaha yang berterusan dijalankan oleh ibu bapa

	Minat	Tidak	Nilai khi kuasa dua	Nilai p
Ada	(65.7%) 23	(31.4%) 11	0.472	0.492
Tiada	(2.9%) 1	(0%) 0		

\* Tidak signifikan pada aras keertian  $p < 0.05$

Jadual 8 menunjukkan sebanyak 23 (65.7%) subjek kajian mempunyai minat untuk membaca. Sebaliknya 11 (31.4%) subjek kajian menyatakan yang mereka tidak berminat untuk membaca. Namun demikian sebanyak 34 (97.2%) ibu bapa menyatakan komitmen mereka untuk menjalankan usaha yang berterusan bagi memberikan pendedahan bahasa yang berterusan kepada anak-anak mereka. Hal ini demikian kerana mereka berkeyakinan bahawa pendedahan bahasa yang berterusan kepada anak-anak mereka akan membolehkan anak-anak mereka menguasai asas bacaan. Kesimpulannya menunjukkan bahawa minat membaca pelajar dengan usaha yang berterusan dijalankan oleh ibu bapa tidak menunjukkan perbezaan terhadap pendedahan bahasa ke atas anak-anak mereka.

**Hipotesis 6:** Tidak ada perbezaan yang signifikan antara hubungan pandangan untuk mengajar anak oleh ibu bapa dengan kepada siapakah yang harus dipersalahkan jika anak-anak mereka gagal menguasai asas bacaan terhadap pendedahan bahasa

Didapati nilai  $p^*$  ujian khi kuasa dua adalah 0.324. Hal ini menunjukkan tidak terdapatnya hubungan yang signifikan di antara tahap kesukaran mengajar oleh ibu bapa dengan pihak mana yang harus dipersalahkan apabila anak-anak mereka gagal menguasai asas bacaan.

**JADUAL 9** Perkaitan di antara pandangan untuk mengajar anak oleh ibu bapa dengan siapakah harus dipersalahkan jika anak-anak mereka gagal menguasai asas bacaan.

	Senang	Susah	Nilai khi kuasa dua	Nilai p
Ibu bapa	(48.6%) 17	(48.6%) 17	0.972	0.324
Pelajar	(0%) 0	(2.8%) 1		

\* Tidak signifikan pada aras keertian  $p < 0.05$

Jadual 9 menunjukkan 17 (48.6%) ibu bapa menganggap senang untuk mengajar asas bacaan, sebaliknya 18 (51.4%) pula beranggapan susah untuk mengajarnya. Dalam hal ini mereka tidak menyalahkan guru sekiranya anak-anak mereka tidak dapat menguasai asas bacaan. Sebaliknya sebanyak 34 (97.2%) pula menyalahkan diri sendiri sekiranya anak-anak mereka tidak dapat menguasai asas bacaan. Hal ini demikian kerana mereka menyatakan bahawa masa untuk anak-anak berada bersama dengan mereka adalah lebih lama berbanding dengan masa untuk anak-anak mereka berada di sekolah bersama dengan guru. Hanya 1 (2.8%) ibu bapa yang menyalahkan pelajar (anak mereka) sendiri jika mereka gagal menguasai asas bacaan. Kesimpulannya menunjukkan bahawa tahap kesukaran mengajar anak oleh ibu bapa dengan siapakah yang harus dipersalahkan jika anak-anak mereka gagal menguasai asas bacaan tidak menunjukkan perbezaan terhadap pendedahan bahasa ke atas anak-anak mereka.

Sebagai kesimpulannya, kesemua 6 hipotesis pada pendedahan bahasa keseluruhannya menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pendedahan bahasa oleh ibu bapa atau penjaga. Nilai  $p$  bagi kesemua pendedahan bahasa Melayu peringkat asas bacaan

berasaskan kepada Modul Asas Membaca (Edisi 1) oleh ibu bapa adalah melebihi paras signifikan 0.05 ( $p > 0.05$ ).

Hal ini membuktikan bahawa ibu bapa atau penjaga memainkan peranan penting untuk meningkatkan tahap penguasaan asas bacaan Bahasa Melayu berdasarkan pendedahan bahasa dalam kalangan subjek kajian tanpa mengambil kira jenis pekerjaan ibu bapa dan penjaga; jumlah pendapatan ibu bapa dan penjaga; tahap pendidikan ibu bapa dan penjaga; pengetahuan tentang kaedah bacaan yang dikuasai oleh ibu bapa dan penjaga; pernah mengajar anak membaca atau pun tidak; pengalaman ibu bapa dan penjaga mengajar anak membaca; ibu bapa dan penjaga memerlukan kaedah mengajar anak membaca; sebab ibu bapa dan penjaga memerlukan kaedah mengajar asas bacaan; pandangan ibu bapa dan penjaga untuk mengajar anak membaca; siapa perlu dipersalahkan jika anak tidak dapat membaca; adakah usaha yang berterusan dibuat bagi membolehkan anak menguasai asas bacaan dan apakah saranan ibu bapa untuk membolehkan anak menguasai asas bacaan.

Pendedahan bahasa oleh ibu bapa juga membolehkan tahap penguasaan bahasa ke atas subjek kajian menjadi bertambah pesat. Dalam soal untuk menyelesaikan permasalahan tidak dapat menguasai asas bacaan ini ibu bapa menyarankan pelbagai saranan di antaranya ialah, meningkatkan latihan bacaan; menyelesaikan masalah asas dalam mengenal huruf dan suku kata; menambahkan bahan-bahan bacaan; mempelbagaikan bahan bacaan; memotivasi para pelajar; memulakan tahap pengetahuan dan penguasaan asas bacaan pada peringkat yang umur yang lebih awal; memerlukan pengembangan tenaga, kerjasama serta usaha yang bersungguh-sungguh daripada semua pihak.

## Rumusan

Hasil kajian membuktikan bahawa murid-murid dapat menguasai kosa kata asas dalam bahasa Melayu di peringkat huruf dengan memuaskan, tetapi apabila sampai ke bahagian suku kata, bahagian kosa kata, bahagian frasa dan seterusnya bahagian ayat didapati penguasaan murid-murid tadi menjadi lebih bermasalah. Masalah ini dapat dilihat dalam usaha mereka menguasai kemahiran yang melibatkan suku kata tertutup (kvk) berbanding dengan kefahaman mereka terhadap suku kata terbuka (kv). Namun demikian ada juga di antara murid-murid tersebut dapat memahami dan menguasai bahagian-bahagian tersebut dengan baik.

Hal ini demikian kerana murid-murid tersebut tidak dapat membatang, memahami dan menulis suku kata yang mengandungi

suku kata tertutup (kvk). Hal ini membuktikan bahawa murid-murid hanya dapat mengenali, memahami dan menulis huruf. Di peringkat yang lain pula murid-murid ini gagal memahami dan menguasai kosa kata yang abstrak sifatnya. Oleh itu, didapati murid-murid ini hanya mampu menguasai kosa kata yang dianggap mudah, senang dan bersifat konkret untuk dikuasai oleh mereka. Perolehan kosa kata dalam bahasa Melayu tidaklah berlaku sewenang-wenang. Dalam proses perolehan dan penguasaan ini, murid-murid selalu menggunakan strategi simplifikasi (pemudahan) bagi menggambarkan makna yang telah dikuasai oleh mereka. Namun kosa kata-kosa kata ini belum lagi mantap dalam pengetahuannya, lebih-lebih lagi tanpa dibantu dengan bahan rangsangan.

Di peringkat perkataan juga didapati murid-murid agak lemah untuk menguasai perkataan yang mengandungi suku kata tertutup (kvk + kvkk) dan perkataan yang mengandungi lebih daripada dua suku kata. Namun pencapaiannya agak lebih baik dalam menguasai kosa kata yang mengandungi diftong, vokal berganding dan gugusan konsonan. Hal ini demikian kerana perkataannya diwakili oleh perkataan yang konkret dan dibantu dengan gambar-gambar sebagai bahan rangsangan.

## Cadangan Mengatasi Masalah Penguasaan Kosa Kata Asas dalam Kalangan Murid Tahun 1

Untuk menangani masalah ini, terdapat beberapa cadangan yang difikirkan sesuai, seperti menambah bahan pembelajaran yang sesuai untuk peringkat Tahun 1, peranan Kementerian Pendidikan, pengurangan bilangan murid, penggunaan alatan tambahan, menekankan kaedah pengajaran guru, keyakinan guru, penglibatan ibu bapa, peranan pihak sekolah, peranan Guru Besar dan peranan pihak-pihak lain.

## Rujukan

- Abdul Aziz Talib. 1983. *Menguji Bacaan Bahasa Malaysia Secara Diagnostik, Kaedah dan Teknik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. 1996. *Isu-Isu Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Zahari Abu Bakar. 1987. *Memahami Psikologi Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia.
- Atan Long. 1971. *Satu Penyiasatan Perpendaharaan Kata Asas Kanak-Kanak Melayu di dalam Darjah Satu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carol, John B. (ed.). 1976. *Language Thought Reality Selected Writings of Benjamin Lee Whorf*. The MIT Press, Cambridge Massachusetts.

- Durkin, Dolore. 1972. *Phonic and the Teaching of Reading*. New York: Teachers College Press, Columbia University.
- Institut Bahasa. 1996. *Penguasaan Bahasa dalam kalangan Guru-guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah*. (Edaran Terhad).
- Juriah Long. 1983. *Pemerolehan Imbuhan pada Peringkat Prasekolah dan Implikasinya terhadap Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mangantar Simanjuntak. 1985. *Pengantar Psikolinguistik Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Saiful Haq Hussin. 2006. Amalan Psikolinguistik dalam Pemahaman Bacaan Asas Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Muda. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Saiful Haq Hussin. 2007. *Modul Asas Membaca Tahun 1*. Kuala Lumpur: Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM dan Persima.
- Nik Safiah Karim et al. 1994. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraihan Dato' Sallehudin. 1982. *Buku Terus Membaca I dan II*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Prideaux, G.D. 1984. *Psycholinguistics: The Experimental Study of Language*. C. Helm.
- Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. 1981. *Buku Panduan Am, Kurikulum Baru Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. 1993. *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, SK/SRK Tahun 1*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum. (Edaran Terhad).
- Sofiah Hamid. 1983. *Pendekatan Mengajar Bacaan Bahasa Malaysia di Peringkat Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.

